

SYARAT-SYARAT BAGI LESEN KATEGORI PENJUALAN (J)

SYARAT-SYARAT		JENIS DOKUMEN PERNIAGAAN ASAL YANG PERLU DITUNJUKKAN
UMUM	KHUSUS	
<p>A. Jenis Bangunan Premis</p> <p>i. Hanya beroperasi di premis perniagaan/bangunan komersial/bangunan pejabat. Pengecualian bagi tanah lot; pejabat operasi/pentadbiran diasingkan dengan rumah melebihi 10 kaki dengan syarat mempunyai Lesen PBT/Majlis/Surat Ulasan dari Jabatan Berkaitan.</p> <p>ii. Mempunyai papan tanda nama perniagaan/syarikat sekurang-kurangnya di dalam premis</p> <p>iii. Boleh dilesenkan di semua tingkat.</p>	<p>a. Memastikan Racun makhluk perosak (RMP) tidak didapati, dipamerkan dan dijual di premis.</p> <p>b. Menyediakan Papan tanda "RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN" dipamer di bahagian kaunter jualan yang mudah dilihat.</p> <div style="border: 2px solid red; padding: 5px; text-align: center; margin: 10px 0;"> <p>RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN</p> </div> <p>Spesifikasi Papan Tanda:</p> <p>i. Berukuran minimum 45.7cm panjang x 20.3 cm lebar;</p> <p>ii. Saiz ukuran blok huruf adalah minimum 3cm</p> <p>iii. Ditaip dengan huruf besar dan menggunakan font berwarna merah</p> <p>iv. Menggunakan jenis font yang mudah dibaca seperti Arial dan Times New Roman</p> <p>v. Dicetak atau blok tulisan dilekatkan diperspektif/acrylic berwarna putih. Menggunakan garisan merah sebagai border.</p> <p>vi. Penggunaan pelekat (sticker) tidak dibenarkan.</p> <p>c. Menyediakan ruang bekerja dan tempat simpanan rekod bagi memastikan semua dokumen perniagaan yang berkaitan dengan penjualan RMP disimpan dan dikemukakan apabila dikehendaki.</p>	<p>a. Lesen Perniagaan SSM/Trading/Enterprise.</p> <p>b. Lesen PBT/Majlis</p> <p>c. Perjanjian Sewaan Sekiranya Premis Bukan Hakmilik.</p>